

Lelaki tidak mengaku bersalah tuduhan rompakan bersenjata

MIRI:Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan rompakan bersenjata terhadap seorang lelaki.

Tertuduh, Noly Amut, 39, dari Lorong 8, Quadruplex Bandar Baru Permyjaya di sini, didakwa mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksan dan dibaca bersama Seksyen 397 kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda serta sebat.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didakwa

melakukan rompakan terhadap Sailin Kundaga, 41 dengan melarikan wang tunai RM400 dan sebuah telefon bimbit milik mangsa.

Semasa melakukan rompakan, tertuduh yang bersenjatakan sebilah parang turut mencederakan mangsa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 5.30 pagi, 21 Ogos lalu di sebuah pasar mini di sini.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian memohon ditetapkan tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh

mengaku tidak bersalah serta minta dibicara lanjut.

Hakim Afidah Abdul Rahman membenarkan permohonan itu dan menetapkan 15 Oktober depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Sementara itu, tertuduh yang tidak diwakili diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM15,000 berserta dua penjamin tempatan.

Sebagai syarat tambahan, tertuduh dikehendaki melapor diri di balai polis berhampiran sekali sebulan sehingga kes selesai dan dilarang mengganggu mangsa dalam kes ini.